

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 12/09/2017 |

Kenangan Najib bersama Almarhum Sultan Kedah

PM dimaklumkan kemangkatan ketika dalam penerbangan ke AS

Daripada Ahmad Zaini Kamaruzzaman di Washington DC

Datuk Seri Najib berkata beliau sedih dengan kemangkatan Sultan Kedah kerana mempunyai banyak kenangan dengan Almarhum. Perdana Menteri yang mengetahui kemangkatan baginda ketika dalam penerbangan ke Amerika Syarikat semalam, berkata bagi pihak kerajaan dan rakyat, beliau merakah sembah takziah kepada seluruh kerabat Diraja Kedah.

"Kita juga berdoa kepada Allah SWT mencucuri rahmat kepada almarhum," katanya pada sidang media sejurus tiba untuk lawatan kerja tiga hari semalam. Beliau berkata, Almarhum akan

dikenang sebagai Yang di-Pertuan Agong yang berjasa sepanjang dua kali tempoh pemerintahan dengan yang pertama pada 1970-1975 dan 2011-2016.

Katanya, peranan baginda akan terpahat secara istimewa dalam sejarah negara sebagai pemerintah dua kali sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Selain itu, Almarhum wajar dijadikan contoh Raja pemerintah yang menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan tertib selaras dengan prinsip Raja Berpelembagaan.

Katanya, keistimewaan era pertama pemerintahan baginda adalah menyaksikan sendiri proses pemulihan demokrasi selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan pembangunan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB).



Tuanku Abdul Halim ketika menjadi Yang di-Pertuan Agong bersama Tuanku Haminah Hamidun berkenan menemui anggota keluarga kru dan penumpang pesawat Malaysia Airlines MH17 di Putrajaya.

Era kedua pula ialah bersama-sama menyumbang kepada usaha menjadikan Malaysia sebagai negara dinamik dan progresif.

Jalin hubungan akrab

Najib juga berkongsi kenangan bersama Almarhum yang mempunyai hubungan akrab dan mesra.

Katanya, baginda pernah menyatakan pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong amat istimewa kerana dilantik ketika ayahanda Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein sebagai Perdana Menteri dan sekali lagi ketika beliau memegang jawatan itu.

"Almarhum ada menyatakan kepada saya ia tidak mungkin berlaku lagi kecuali atas kehendak Allah," katanya.

Di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Dua hari kibar Jalur Gemilang separuh tiang

Berikutan kemangkatan Almarhum Tuanku Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, kerajaan mengisytiharkan bendera Malaysia di-kibarkan separuh tiang di seluruh negara selama dua hari berturut-turut bermula hari pengebumian hari ini - Najib

Ahmad Zahid Hamidi menerusi Twitter, turut menzahirkan ucapan takziah di atas kemangkatan baginda.

"Salam takziah buat seluruh keluarga, kerabat Almarhum Tuanku dan seluruh rakyat Kedah. Semoga dicucuri rahmat Allah SWT. Al-Fatihah," katanya.

